



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Mashetoh Abd. Mutalib. (2026). Nuansa leksikal ‘lembap’ dalam subdialek Kedah. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 5(1), 175-191. <https://doi.org/10.32890/rentas2026.5.1.10>

NUANSA LEKSIKAL ‘LEMBAP’ DALAM SUBDIALEK KEDAH

(Lexical Nuances of “Lembap” in the Kedah Subdialect)

Mashetoh Abd. Mutalib

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

mashetoh@uum.edu.my

Received: 13/12/2025

Revised: 14/01/2026

Accepted: 11/05/2026

Published: 31/7/2026

ABSTRAK

Dialek terbentuk hasil persempadanan geografi serta pengalaman sosial masyarakat penutur yang akhirnya melahirkan pelbagai variasi bahasa tempatan seperti dialek Kedah. Dalam konteks dialek Kedah, penelitian terdahulu lebih memfokuskan aspek fonologi, sintaksis, geolinguistik dan variasi leksikal, manakala pengkonsepsian makna kata adjektif masih kurang diterokai, khususnya daripada perspektif sosiokognitif. Walaupun ada pengkajian yang menggunakan pendekatan sosiokognitif tetapi tumpuannya kepada leksikal kata kerja. Oleh itu, kajian ini bertujuan menghuraikan pengkonsepsian kata “*lembap*” dalam subdialek berdasarkan hubungan antara bahasa, masyarakat dan pemikiran. Reka bentuk kualitatif digunakan berdasarkan kaedah temu bual berstruktur, temu bual tidak berstruktur dan daftar kata terhadap 80 orang informan terpilih. Data kajian dianalisis berdasarkan perspektif sosiokognitif seperti pengalaman sosial, pemerhatian budaya dan pemikiran masyarakat penutur. Dapatan menunjukkan bahawa kata “*lembap*” divariasikan melalui penggunaan leksikal seperti *ghalit*, *lengai*, *mekngot* dan *mandom* yang membawa nuansa makna seperti “terleka”, “lalai”, “malas”, “tidak fokus”, “tidak bermaya” dan “suram”. Variasi makna tersebut menunjukkan bahawa konsep “*lembap*” dalam masyarakat Melayu Kedah lahir daripada pengalaman hidup dan pemerhatian mereka terhadap tingkah laku manusia dalam kehidupan seharian. Selain itu, dapatan turut menunjukkan bahawa makna “*lembap*” berkembang daripada makna teras kepada domain tingkah laku, emosi dan psikologi, penilaian sosial serta metafora kehidupan harian. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pengembangan penelitian dialek Melayu melalui pendekatan sosiokognitif, malah turut memperkukuh dokumentasi khazanah linguistik Melayu tempatan yang mencerminkan hubungan erat antara bahasa, budaya dan pemikiran masyarakat penutur.

Kata kunci: Dialek Kedah, nuansa leksikal, variasi bahasa, kata adjektif, sosiokognitif.

ABSTRACT

Dialect is shaped by geographical boundaries as well as the social experiences of its speakers, which in turn give rise to different local language varieties, including the Kedah dialect. In the context of Kedah dialect studies, previous research has largely concentrated on phonology, syntax, geolinguistics and lexical variation. The conceptualisation of adjective meanings, however, remains relatively underexplored, particularly from a sociocognitive perspective. Although the sociocognitive approach has been employed in some studies, its application has mainly focused on verbal lexical items rather than adjectives. This study therefore aims to examine the conceptualisation of the word “lembap” in the Kedah subdialect by considering the relationship between language, society and thought. A qualitative research design was adopted, with data collected through structured interviews, unstructured interviews and word lists involving 80 selected informants. The data were analysed from a sociocognitive perspective, with emphasis on social experience, cultural observation and the shared ways of thinking within the speech community. The findings indicate that “lembap” is represented through several lexical variants, including ghalit, lengai, meknogot and mandom. These forms carry related but distinct shades of meaning, “terleka”, “lalai”, “malas”, “tidak fokus”, “tidak bermaya” dan “suram”. This shows that the meaning of “lembap” in Kedah Malay is not restricted to a single literal sense. Rather, it is shaped by the community’s lived experiences and by their observations of human behaviour in everyday social contexts. The study further shows that the meaning of “lembap” extends from its basic sense into several conceptual domains, namely behaviour, emotion and psychology, social evaluation and everyday metaphor. These meanings reveal how the Kedah Malay community interprets actions, attitudes and situations through language. Thus, this study contributes to Malay dialect research by demonstrating how adjective meanings can be understood through a sociocognitive lens. It also enriches the documentation of local Malay linguistic heritage by highlighting the close connection between language, culture and the collective thought of its speakers.

Keywords: *Kedah dialect, lexical nuances, language variation, adjective, sociocognitive.*

PENGENALAN

Bahasa merupakan lambang budaya dan identiti sesebuah masyarakat. Cara percakapan seseorang akan dikenal pasti melalui perbezaan linguistiknya, sama ada fonologi, morfologi, sintaksis dan juga semantik. Oleh itu, tidak hairanlah ramai sarjana yang menjadikan dialek sebagai salah satu bidang yang menarik untuk diterokai. Dalam konteks Malaysia yang begitu kaya dengan pelbagai dialek seperti dialek Terengganu, Kelantan, Pahang, Perak, Negeri Sembilan dan juga Kedah, terdapat variasi linguistik yang memberi cerminan terhadap realiti sosial dan pandangan dunia terdapat sesebuah komuniti. Dialek Kedah adalah salah satu daripada cabang dialek Melayu yang mempunyai keunikan yang tersendiri yang terdiri daripada aspek fonologi, morfologi, dan kosa kata. Salah satu aspek yang menarik perhatian ialah kewujudan pelbagai kosa kata lain bagi menggambarkan keadaan “lembap” atau tidak cergas, yang sering kali membawa konotasi negatif dalam budaya Melayu. Lembap merujuk Kamus Perdana (2022) memberi beberapa maksud iaitu pertama, agak basah atau tidak kering benar, kedua; tidak kering dan kelihatan segar; ketiga; kurang lancar dan tidak mencapai kemajuan seperti yang diharapkan; keempat, tidak laju; kelima, tidak cerdas akal fikirannya atau tidak cekap dalam menjalankan tugas; keenam, tidak rancak atau tidak nyaring, ketujuh, bergerak dengan amat lambat atau perlahan dan kelapan, (berkembang atau berjalan) dgn kurang lancar dan tidak mencapai kemajuan seperti yang diharapkan. Walau bagaimanapun, artikel ini akan membincangkan variasi kata lembap bagi makna yang kelima, iaitu lembap yang merujuk tidak cekap dalam menjalankan tugas dalam nuansa dialek Kedah.

Kosa kata lembap telah digolongkan dalam kata adjektif, iaitu kata yang melibatkan sifat atau perasaan. Apabila dilihat dari sudut pandang tradisional, Za'ba (2001) mengklasifikasikan kata adjektif sebagai

"sifat" yang berperanan menambah pengertian atau memperincikan lagi hakikat sesuatu kata nama. Asmah Haji Omar (2009) pula memperluaskan definisi tersebut dengan memberikan penekanan kepada aspek semantik dan ciri morfologinya. Beliau menyifatkan kata adjektif sebagai kata yang membawa konsep kualiti atau keadaan, yang secara uniknyanya dapat dikenal pasti melalui kehadiran kata penguat atau penanda darjah perbandingan seperti "sangat" dan "paling". Manakala menurut Tatabahasa dewan menjelaskan kata adjektif ialah perkataan yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif (Nik Safiah Karim, et al, 1993). Ketiga-tiga sarjana ini bersepakat bahawa fungsi asas kata adjektif adalah untuk memberikan modifikasi atau penerangan terhadap sifat, keadaan, atau ciri bagi sesuatu entiti (kata nama), sama ada ia berfungsi sebagai predikat dalam ayat ataupun sebagai penerang dalam frasa nama. Frasa adjektif boleh terdiri daripada hanya satu kata adjektif atau beberapa perkataan yang mengandungi kata adjektif dan unsur keterangan lain misalnya kata bantu dan kata penguat. Dalam bahasa Melayu kata adjektif telah dikelompokkan kepada adjektif sifat atau keadaan, cara, perasaan, bentuk, jarak, pancaindera, ukuran dan warna. Manakala bagi kosa kata lembap pula telah dikelompokkan dalam kata adjektif sifat atau keadaan. Berikut kata adjektif dalam bahasa Melayu.

Jadual 1

Kata Adjektif dalam Bahasa Melayu

Bil	Kata Adjektif	Contoh
1	Sifatan/keadaan	(pandai, takut, baik)
2	Warna	(merah, putih, ungu)
3	Ukuran	(panjang, nipis, pendek)
4	Bentuk	(bulat, bujur, nipis)
5	Waktu	(lama, awal, suntuk)
6	jarak	(jauh, dekat)
7	Perasaan	(sayang, benci)
8	Cara	(deras, gopoh, selalu)
9	Pancaindera	(rasa, pandang, bau, sentuh, dengar, gabungan deria)

Oleh itu, sesuatu yang unik untuk ditonjokkan dalam artikel ini ialah kelainan lembap dalam dialek subdialek Kedah yang digunakan oleh penutur dialek berkenaan yang membawa maksud yang sama tetapi terdapat nuansa daripada makna yang dimaksudkan, antaranya ialah *ghalit*, *lengai*, *mekngot/makngot* dan *mandom*. Kosa kata ini diambil dari sudut variasi penggunaannya berdasarkan jantina dan lokasi geografi di Kedah, seperti Kedah Utara, Kedah Tengah dan Kedah Selatan.

SOROTAN KARYA

Penelitian terhadap kajian-kajian lepas berkaitan dialek Kedah memperlihatkan perkembangan yang signifikan daripada pendekatan dialektologi tradisional kepada pendekatan linguistik moden yang lebih bersifat interdisiplin. Perkembangan ini mencerminkan perubahan orientasi penyelidikan daripada usaha dokumentasi dan pemerian bentuk bahasa kepada penelitian yang lebih analitik terhadap struktur linguistik, fungsi sosial bahasa, pemetaan geolinguistik serta hubungan bahasa dengan budaya dan identiti masyarakat penutur. Walaupun demikian, penelitian terhadap pengkonsepsian makna kata adjektif dalam subdialek Kedah masih belum diberikan perhatian secara mendalam, khususnya yang melibatkan hubungan antara makna bahasa dengan pengalaman budaya dan pemikiran masyarakat penutur. Selain itu, penulisan ini diusahakan bagi mengisi kelompongan pendekatan dalam penyelidikan dialek Kedah dengan mengaplikasikan pendekatan sosiokognitif yang memberi penekanan terhadap hubungan antara bahasa, masyarakat dan pemikiran. Pendekatan ini penting kerana mampu menjelaskan bahawa pengkonsepsian makna sesuatu kata tidak terbentuk secara terasing dalam sistem bahasa semata-mata, tetapi berkembang hasil pengalaman sosial, pemerhatian budaya dan pemikiran kolektif masyarakat penutur.

Pada peringkat awal, penelitian dialek Kedah lebih tertumpu kepada pendekatan dialektologi tradisional yang menekankan dokumentasi variasi bahasa berdasarkan persempadanan geografi dan penyebaran penutur. Dalam konteks ini, Collins (1998) merupakan antara sarjana yang memberikan perhatian terhadap penyebaran dialek Melayu melalui hubungan antara faktor geografi, sejarah migrasi dan mobiliti masyarakat penutur. Penelitian tersebut memperlihatkan bahawa variasi dialek di kawasan utara Semenanjung Malaysia, termasuk Kedah, dipengaruhi oleh interaksi sejarah dan hubungan rentas sempadan. Sebagai contoh, kawasan utara Kedah memperlihatkan pengaruh leksikal dan fonologi Siam yang lebih dominan berbanding kawasan lain akibat kedudukannya yang berhampiran dengan Thailand. Kajian Collins (1998) penting kerana berjaya memperlihatkan bahawa variasi dialek bukan sekadar fenomena linguistik, tetapi turut berkait dengan sejarah sosial masyarakat. Walau bagaimanapun, penelitian ini lebih tertumpu kepada aspek penyebaran dan klasifikasi dialek tanpa menghuraikan dimensi konseptual makna dalam penggunaan sesuatu leksikal.

Penelitian seterusnya dapat dilihat melalui kajian Asmah Haji Omar Asmah (2008) yang memberikan sumbangan besar dalam memperkukuh dokumentasi dialek Melayu melalui pendekatan dialektologi tradisional. Penelitian beliau meneliti variasi dialek berdasarkan kawasan penutur seperti kawasan persisiran, pedalaman dan utara Kedah. Kajian ini berjaya menunjukkan bahawa faktor ruang geografi memainkan peranan penting dalam pembentukan variasi bahasa. Sebagai contoh, terdapat perbezaan yang jelas daripada segi sebutan dan penggunaan kosa kata antara penutur di Kedah Utara dengan penutur di kawasan tengah dan selatan Kedah. Kekuatan utama kajian Asmah (2008) terletak pada pengumpulan data lapangan yang autentik dan sistematik, sekali gus menyediakan dokumentasi asas yang penting kepada perkembangan kajian dialek Melayu di Malaysia. Namun demikian, penelitian tersebut masih bersifat deskriptif dan memberi penekanan terhadap bentuk bahasa semata-mata. Aspek pengkonsepsian makna yang terbentuk melalui pengalaman budaya dan pemikiran masyarakat penutur masih belum diberikan perhatian secara mendalam.

Perkembangan kajian dialek Kedah memasuki dimensi yang lebih analitik apabila penelitian mula memberikan perhatian terhadap aspek linguistik struktural seperti sintaksis dan fonologi. Dalam konteks ini, kajian Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Nurulafiqah Suhaimi (2013, 2014) memperlihatkan penerapan kerangka Program Minimalis dalam menghuraikan struktur kata soal dialek Kedah. Penelitian ini membuktikan bahawa dialek Kedah mempunyai sistem sintaksis yang tersendiri dan dapat dianalisis secara sistematik melalui teori linguistik moden. Sebagai contoh, susunan kata soal dalam dialek Kedah memperlihatkan pola sintaktik yang berbeza daripada bahasa Melayu standard. Kekuatan utama kajian ini ialah ketelitian analisis struktur ayat serta penggunaan kerangka teori yang mantap dalam menghuraikan sistem tatabahasa dialek tempatan. Walau bagaimanapun, penelitian tersebut lebih tertumpu kepada struktur linguistik dan kurang memberikan perhatian terhadap aspek penggunaan bahasa dalam konteks sosial serta pengalaman budaya masyarakat penutur. Dengan kata lain, penelitian tersebut berjaya menghuraikan struktur bahasa, tetapi belum meneliti bagaimana makna sesuatu kata difahami dan dikonsepsikan oleh penutur dialek Kedah.

Dalam bidang fonologi pula, kajian Norfazila Ab. Hamid dan Rahim Aman (2015) memberikan perhatian terhadap sistem fonologi dialek Kedah melalui penelitian aspek vokal, diftong dan konsonan. Kajian ini menunjukkan bahawa dialek Kedah mempunyai sistem bunyi yang kompleks dan unik. Sebagai contoh, variasi pemanjangan vokal dan penyisipan bunyi didapati berbeza mengikut kawasan penutur tertentu. Penelitian ini penting kerana berjaya memperincikan identiti fonologi subdialek Kedah secara lebih saintifik dan sistematik. Namun demikian, fokus kajian yang tertumpu kepada sistem bunyi menyebabkan aspek pemaknaan dan pengalaman budaya penutur tidak dihuraikan secara mendalam.

Perkembangan penelitian diteruskan oleh Mohammad Khairulanwar Abd. Ghani dan Mohd Tarmizi Hasrah (2016) melalui kajian *Dialek Melayu Baling: Satu Pemerian Awal*. Kajian ini memperlihatkan usaha sistematik dalam menghuraikan ciri fonologi dan leksikal subdialek Baling berdasarkan data lisan masyarakat tempatan. Penelitian ini penting kerana berjaya membuktikan bahawa subdialek Baling mempunyai identiti linguistik yang tersendiri dan tidak boleh disamakan sepenuhnya dengan dialek Kedah standard. Walau bagaimanapun, pendekatan yang digunakan masih bersifat pemerian dan belum menghubungkan penggunaan bahasa dengan proses konseptualisasi makna dalam pemikiran penutur.

Dalam tempoh yang sama, Zuliana Zubir (2017) menjalankan kajian perbandingan antara dialek Utara dengan subdialek Charok Kudong. Kajian ini menunjukkan bahawa variasi dialek berlaku bukan sahaja pada aspek bunyi bahasa, malah turut melibatkan variasi leksikal dan struktur bahasa. Penelitian tersebut penting kerana memperlihatkan bahawa variasi bahasa dalam dialek Kedah bersifat dinamik dan berlapis. Namun demikian, cabaran utama penelitian ini ialah kesukaran mengawal variasi penggunaan bahasa dalam kalangan penutur yang mempunyai latar sosial dan pengalaman linguistik yang berbeza.

Selain itu, Nurul Shahida Jamil dan Maslida Yusof (2017) meneliti aspek deiksis dalam dialek Kedah melalui pendekatan pragmatik. Kajian ini memperlihatkan bahawa penggunaan bahasa dalam dialek Kedah sangat bergantung kepada konteks komunikasi dan hubungan sosial antara penutur. Sebagai contoh, penggunaan kata tunjuk dan kata ganti tertentu berubah mengikut situasi interaksi dan hubungan sosial penutur. Walau bagaimanapun, penelitian ini masih tertumpu kepada fungsi pragmatik bahasa dan belum meneliti pengkonsepsian makna kata adjektif secara khusus.

Perkembangan penelitian seterusnya dapat dilihat melalui kajian Mohammad Khairulanwar Abd. Ghani dan Mohd Tarmizi Hasrah (2018, 2024) yang memperkenalkan pengelompokan baharu bagi dialek Hulu Kedah (Baling). Kajian ini menunjukkan bahawa dialek Kedah tidak bersifat homogen, sebaliknya terdiri daripada beberapa sub variasi yang mempunyai ciri linguistik tersendiri. Kekuatan kajian ini terletak pada sistematisasi data dan usaha pengelasan dialek yang lebih tersusun berbanding penelitian sebelumnya. Namun demikian, fokus penelitian masih terbatas kepada pengelompokan dialek dan belum menghuraikan dimensi makna secara konseptual.

Kajian Ainur Syakirah Muhd Hissam et al. (2019) pula memperlihatkan bahawa variasi leksikal dialek Kedah dipengaruhi secara langsung oleh faktor geografi dan komuniti penutur. Penelitian ini membuktikan bahawa sesuatu kosa kata mungkin digunakan secara meluas dalam satu kawasan tetapi kurang difahami oleh penutur di kawasan lain. Kajian ini penting kerana berjaya memperlihatkan bahawa dialek Kedah bersifat heterogen dan dinamik. Walau bagaimanapun, penelitian tersebut lebih tertumpu kepada variasi penggunaan leksikal dan bukan terhadap proses pengkonsepsian makna sesuatu kata.

Mohammad Khairulanwar Abd. Ghani dan Mohd Tarmizi Hasrah (2020) memperkukuh penelitian fonologi dialek Kedah melalui kajian terhadap konsonan beraspirasi dan proses vokal. Seterusnya, penelitian Mashetoh Abd. Mutalib et al. (2024) berkaitan penggunaan variasi leksikal dalam subdialek Kedah yang memperlihatkan bahawa masyarakat penutur membina konsep makna berdasarkan pengalaman hidup Masyarakat yang dikongsi bersama dengan meneliti pengkonsepsian makna kata kerja dalam subdialek Kedah. Kajian ini penting kerana memperlihatkan bahawa bahasa bukan sekadar alat komunikasi, tetapi turut mencerminkan cara masyarakat penutur memahami pengalaman dan realiti kehidupan mereka. Walau bagaimanapun, penelitian tersebut hanya tertumpu kepada kata kerja dan tidak melibatkan kata adjektif secara khusus.

Perkembangan mutakhir kajian dialek Kedah memperlihatkan kecenderungan terhadap pendekatan interdisiplin seperti sosiolinguistik dan geolinguistik. Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2017), misalnya, menggunakan *Geographic Information System* (GIS) bagi memetakan penyebaran dialek Melayu di

Langkawi. Penelitian ini memperlihatkan bahawa variasi bahasa dapat divisualkan secara spatial berdasarkan lokasi penutur. Pendekatan ini penting kerana berjaya menghubungkan bahasa dengan ruang geografi secara lebih sistematik. Walau bagaimanapun, penelitian tersebut lebih tertumpu kepada pemetaan taburan bahasa dan bukan terhadap dimensi konseptual makna sesuatu kata.

Kajian Siti Nur Izzaty Salit et al. (2024) pula memperlihatkan perkembangan yang lebih matang melalui penelitian terhadap pengekaln dan peralihan dialek di Baling menggunakan GIS. Kajian ini menunjukkan bahawa faktor sosial seperti pendidikan, mobiliti dan perubahan generasi mempengaruhi kelangsungan sesuatu dialek. Dalam konteks yang sama, Ainur Syakirah Mohd Hisam et al. (2024) menggunakan pendekatan geolinguistik bagi meneliti variasi leksikal tertentu seperti kata “ular” dalam dialek Melayu Kedah. Kajian ini berjaya memperlihatkan bagaimana variasi kosa kata dapat dipetakan mengikut kawasan penutur. Namun demikian, penelitian terhadap item leksikal yang terhad masih belum mampu menghuraikan keseluruhan sistem konseptual masyarakat penutur dialek Kedah.

Perkembangan terkini diteruskan oleh Siti Nur Izzaty Salit et al. (2025) dan Siti Noraini Hamzah et al. (2025) yang meneliti pengaruh Siam serta pembentukan identiti masyarakat Thai di Langkawi dan Satun melalui pendekatan geolinguistik. Kajian-kajian ini memperlihatkan bahawa bahasa bukan sahaja berkait dengan ruang geografi, malah turut mencerminkan identiti, sejarah dan pengalaman budaya masyarakat penutur. Walau bagaimanapun, penelitian tersebut masih memberi penekanan terhadap aspek identiti dan pengaruh luar terhadap dialek, sedangkan pengkonsepsian makna kata adjektif masih belum diterokai secara mendalam.

Secara keseluruhannya, objektif kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa penyelidikan dialek Kedah telah berkembang secara progresif daripada pendekatan dokumentasi tradisional kepada pendekatan linguistik moden yang lebih kompleks dan interdisiplin. Walaupun demikian, majoriti penelitian terdahulu lebih tertumpu kepada aspek fonologi, sintaksis, variasi leksikal, geolinguistik dan hubungan bahasa dengan budaya masyarakat.

Seterusnya, kajian yang menggunakan pendekatan sosiokognitif dalam penyelidikan bahasa menekankan hubungan antara bahasa, masyarakat dan pemikiran dalam pembentukan makna sesuatu ujaran atau leksikal. Dalam pendekatan ini, bahasa tidak dilihat sebagai sistem linguistik yang terpisah daripada pengalaman sosial masyarakat penutur, sebaliknya dianggap sebagai refleksi terhadap pengalaman budaya, pemerhatian sosial dan pemikiran kolektif masyarakat. pengalaman sosial dan budaya dalam mentafsir makna bahasa. Hal ini menunjukkan bahawa Dalam konteks kajian yang menggunakan pendekatan sosiokognitif seperti kajian Nor Hashimah Jalaluddin (2010) melalui penelitian terhadap penguasaan pragmatik bahasa Melayu dalam kalangan remaja Malaysia. Kajian tersebut menunjukkan bahawa pemahaman dan penggunaan bahasa dipengaruhi oleh pengalaman sosial, pengetahuan budaya dan pemerhatian masyarakat terhadap tingkah laku sosial manusia. Menurut beliau, proses kognitif dalam penggunaan bahasa tidak berlaku secara individu semata-mata, tetapi dibentuk melalui pengalaman sosial yang dikongsi bersama dalam komuniti penutur. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat membina konsep makna berdasarkan interaksi sosial dan pemerhatian budaya yang berlaku secara berulang dalam kehidupan harian.

Selain itu, kajian oleh Noriah Mohamed dan Jamilah Bebe Mohamad (2018) berkaitan eufemisme dan metafora kematian dalam dialek Kedah turut memperlihatkan hubungan antara bahasa dengan pengalaman budaya masyarakat Melayu. Kajian tersebut menunjukkan bahawa masyarakat Melayu menggunakan bahasa sebagai medium untuk menggambarkan nilai kesantunan, kepercayaan dan pengalaman sosial mereka terhadap konsep kematian. Walaupun kajian tersebut lebih cenderung kepada semantik kognitif dan budaya, dapatan kajian jelas memperlihatkan bahawa pengkonsepsian makna dalam dialek Kedah dipengaruhi oleh pengalaman kolektif masyarakat penutur. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa dalam

masyarakat Melayu Kedah berkembang melalui pengalaman budaya dan pemerhatian sosial yang dikongsi bersama.

Dalam kajian Ainur Syakirah Muhd Hissam et al. (2019) turut menunjukkan bahawa variasi leksikal dalam dialek Kedah dipengaruhi oleh faktor geografi dan pengalaman sosial masyarakat penutur. Kajian tersebut memperlihatkan bahawa masyarakat dalam kawasan yang berbeza membina pemahaman yang berbeza terhadap penggunaan leksikal tertentu berdasarkan pengalaman budaya setempat. Walaupun kajian tersebut lebih tertumpu kepada geolinguistik dan variasi leksikal, dapatan kajian secara tidak langsung menyokong prinsip pendekatan sosiokognitif yang menekankan hubungan antara pengalaman masyarakat dengan pembentukan konsep bahasa.

Seterusnya, Siti Nurul Jannah Fital, et al., (2023) menggunakan pendekatan sosiokognitif dalam meneliti pengamalan bahasa Melayu Generasi Z. Kajian tersebut mendapati bahawa penggunaan bahasa dalam kalangan generasi muda dipengaruhi oleh pengalaman sosial, identiti budaya dan perubahan persekitaran komunikasi masyarakat moden. Menurut pengkaji, bahasa bukan sahaja mencerminkan pemikiran individu, tetapi turut menjadi manifestasi terhadap pengalaman sosial dan budaya masyarakat penutur. Kajian ini membuktikan bahawa pendekatan sosiokognitif sangat relevan dalam menghuraikan hubungan antara bahasa, pengalaman sosial dan pemikiran masyarakat dalam konteks penggunaan bahasa Melayu semasa.

Secara keseluruhan, penulisan ini menegaskan bahawa pengkonsepsian makna dalam bahasa Melayu, khususnya dialek Kedah, dibentuk melalui pengalaman sosial, budaya dan pemerhatian kolektif masyarakat. Pendekatan sosiokognitif terbukti relevan dalam menghuraikan hubungan antara bahasa, pemikiran dan budaya, serta memperlihatkan bahasa tersebut berkembang sebagai manifestasi pengalaman masyarakat penutur.

Oleh itu, kajian terhadap kata "*lembap*" dalam subdialek Kedah Utara, Tengah dan Selatan menjadi signifikan kerana kata tersebut berpotensi membawa pelbagai dimensi makna bergantung pada konteks sosial, budaya dan pengalaman hidup penutur. Dalam satu konteks, kata "*lembap*" mungkin merujuk kepada keadaan fizikal seperti basah atau tidak kering, manakala dalam konteks lain perkataan tersebut boleh membawa makna metafora seperti lambat bertindak, tidak cekap atau kurang cerdas. Variasi konseptual sedemikian memperlihatkan bahawa sesuatu kata adjektif bukan sahaja berfungsi sebagai unsur linguistik, tetapi turut menjadi manifestasi pemikiran dan pengalaman budaya masyarakat penutur.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan sosiokognitif bagi meneliti pengkonsepsian kata "*lembap*" dalam subdialek Kedah Utara, Tengah dan Selatan. Pendekatan sosiokognitif van Dijk (2008) dipilih kerana pendekatan ini menekankan hubungan antara bahasa, masyarakat dan pemikiran dalam pembentukan makna sesuatu kata. Van Dijk (2008) menjelaskan bahawa pendekatan sosiokognitif meneliti hubungan antara bahasa, masyarakat dan kognisi dalam proses pembentukan makna dan pemahaman sesuatu ujaran. Menurut beliau lagi, penggunaan bahasa tidak berlaku secara langsung daripada struktur sosial semata-mata, tetapi dimediasi melalui proses mental seperti pengetahuan, pengalaman, ideologi dan context models yang dimiliki oleh masyarakat penutur.

Selain itu, pendekatan sosiokognitif menekankan bahawa kelakuan manusia saling bertindak antara kognitif, tindakan dan ejen penentu persekitaran (Junaini Kasdan, et al, 2011). Dalam konteks kajian ini, makna kata "*lembap*" tidak dilihat sekadar sebagai makna linguistik yang bersifat literal, tetapi sebagai hasil pengalaman sosial, budaya dan cara masyarakat penutur mentafsir pengalaman dalam dialek Kedah.

Hal ini bermaksud masyarakat penutur tidak memahami “*lembap*” secara literal semata-mata, sebaliknya menghubungkan kata tersebut dengan cara seseorang bertindak, berfikir, bekerja dan berinteraksi dalam masyarakat. Oleh itu, pendekatan ini membolehkan penelitian dilakukan terhadap bagaimana masyarakat Melayu Kedah memahami, menilai dan mengkonsepsikan pengalaman hidup mereka melalui penggunaan variasi leksikal seperti *ghalit*, *lengai*, *mekngot* dan *mandom*.

Dari sudut pengumpulan data, kajian ini menggunakan kaedah temu bual berstruktur, temu bual tidak berstruktur dan kaedah daftar kata terhadap informan yang mewakili tiga buah kawasan subdialek Kedah. Temu bual ialah satu kaedah pengumpulan data yang paling biasa digunakan dalam penyelidikan sosial (Cohen et al., 2007). Asmah (2001, 72) menyatakan bahawa “perbualan yang tidak diatur itu mempunyai kelebihan dan data yang diperoleh itu betul-betul merupakan bahasa yang digunakan oleh komuniti berkenaan sehari-hari bukan yang dibuat-buat”. Informan dipilih berdasarkan faktor umur, jantina dan latar pendidikan bagi memastikan data yang diperoleh dapat mewakili variasi penggunaan bahasa dalam masyarakat penutur. Melalui temu bual tersebut, informan diminta menjelaskan penggunaan kata “*lembap*” dan variasi leksikal yang berkaitan dalam komunikasi harian mereka. Daftar kata pula dimanfaatkan bagi menguji dan mensahihkan aspek sebutan, di samping menguji aspek leksikal. Informan diminta menyebut beberapa senarai kata yang dipilih berdasarkan DMK. Namun, dalam makalah ini hanya leksikal *lembap* sahaja akan dibincangkan.

Berikut data informan seperti yang terdapat dalam Jadual 2 dan Jadual 3. Data yang diperoleh kemudiannya ditranskripsikan dan dikategorikan berdasarkan konteks penggunaan, nuansa makna dan pengalaman sosial yang dikaitkan dengan kata tersebut.

Jadual 2

Informan berdasarkan Umur

Jantina	Umur	Bilangan			Jumlah
		Kedah Utara	Kedah Tengah	Kedah Selatan	
Lelaki	50-54	2	2	3	39
	55-59	3	3	4	
	60-64	2	3	2	
	65-69	4	1	6	
	70-74	1	2	-	
	75-79	-	-	-	
	80-84	1	-	-	
Perempuan	50-54	3	4	5	41
	55-59	2	6	3	
	60-64	2	2	2	
	65-69	2	2	1	
	70-74	1	2	-	
	75-79	2	-	-	
	80-84	2	-	-	
Jumlah keseluruhan		27	27	26	80

Jadual 2 menunjukkan taburan informan kajian berdasarkan jantina, kelompok umur dan kawasan subdialek Kedah yang melibatkan Kedah Utara, Kedah Tengah dan Kedah Selatan. Secara keseluruhannya, jumlah informan yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 80 orang. Daripada jumlah tersebut, 39 orang terdiri daripada informan lelaki manakala 41 orang lagi terdiri daripada informan perempuan. Jumlah ini menunjukkan penglibatan informan lelaki dan perempuan yang hampir seimbang bagi memastikan data yang diperoleh lebih menyeluruh dan dapat mewakili penggunaan dialek dalam kalangan kedua-dua kelompok jantina.

Jadual 3 pula menunjukkan tahap pendidikan informan yang terlibat dalam kajian berdasarkan kawasan subdialek Kedah, iaitu Kedah Utara, Kedah Tengah dan Kedah Selatan. Secara keseluruhannya, majoriti informan mempunyai pendidikan di peringkat sekolah menengah dengan jumlah seramai 44 orang atau 55% daripada keseluruhan sampel kajian. Kedah Tengah mencatatkan jumlah tertinggi bagi kategori ini, iaitu 19 orang, diikuti Kedah Selatan seramai 15 orang dan Kedah Utara seramai 10 orang. Selain itu, seramai 28 orang informan atau 35% terdiri daripada kelompok sekolah rendah atau tidak bersekolah, manakala hanya lapan orang informan atau 10% mempunyai pendidikan di peringkat institusi pengajian tinggi.

Jadual 3

Informan berdasarkan Tahap Pendidikan

Status Pendidikan	K. Utara	K. Tengah	K. Selatan	Jumlah	Peratus (%)
Sekolah rendah/ tidak bersekolah	15	5	8	28	35
Sekolah menengah	10	19	15	44	55
Institusi pengajian tinggi	2	3	3	8	10

Dalam proses analisis, pendekatan sosiokognitif meneliti bagaimana makna sesuatu kata terbentuk melalui pengalaman budaya dan pemerhatian sosial masyarakat penutur. Oleh itu, analisis tidak hanya tertumpu kepada makna literal kata "*lembap*", tetapi turut meneliti tentang masyarakat Melayu Kedah yang menggunakan kata tersebut untuk menggambarkan tingkah laku, emosi, sikap dan keadaan sosial manusia. Sebagai contoh, penggunaan leksikal *ghalit* yang membawa makna "terleka" dan "tidak fokus" dianalisis sebagai gambaran terhadap penilaian sosial masyarakat terhadap individu yang kurang memberi perhatian dalam interaksi harian. Begitu juga penggunaan *lengai* dan *mekngot* yang dikaitkan dengan "buat kerja lambat" dan "malas" menunjukkan bahawa masyarakat Melayu Kedah menghubungkan konsep kelewatan dengan nilai sosial seperti kerajinan dan kecekapan.

Selain itu, pendekatan sosiokognitif dalam kajian ini turut meneliti hubungan antara pengalaman tubuh badan dengan pembentukan konsep sosial dalam pemikiran masyarakat. Sebagai contoh, penggunaan *mandom* bagi menggambarkan keadaan "tidak bermaya", "suram" dan "tidak aktif" menunjukkan bahawa masyarakat memahami keadaan emosi dan mental melalui pemerhatian terhadap keadaan fizikal seseorang. Dalam hal ini, pengalaman sosial yang berlaku secara berulang dalam kehidupan masyarakat telah membentuk pemikiran kolektif terhadap konsep "*lembap*". Oleh sebab itu, analisis sosiokognitif dalam kajian ini memberi penekanan terhadap bagaimana pengalaman budaya dan norma sosial masyarakat Melayu Kedah mempengaruhi penggunaan dan pengkonsepsian makna sesuatu kata.

Peringkat seterusnya melibatkan proses pengelompokan makna berdasarkan domain pengalaman masyarakat penutur. Dalam tahap ini, semua makna yang diperoleh daripada informan dikategorikan kepada beberapa domain utama berdasarkan persamaan konsep dan fungsi makna. Berdasarkan rajah representasi *lembap* dibahagikan kepada lima domain utama, iaitu domain fizikal, domain tingkah laku, domain emosi dan psikologi, domain penilaian sosial dan domain metafora. Sebagai contoh, makna seperti "perlahan" dan "tidak bertenaga" diletakkan dalam domain fizikal, manakala makna seperti "malas", "lalai" dan "tidak fokus" dikelompokkan dalam domain tingkah laku.

Secara keseluruhannya, kaedah sosiokognitif dalam kajian ini digunakan untuk menjelaskan bahawa makna kata "*lembap*" terbentuk melalui hubungan yang dinamik antara bahasa, pengalaman sosial dan pemikiran masyarakat penutur. Pendekatan ini membolehkan kajian meneliti bukan sahaja variasi makna leksikal dalam dialek Kedah, tetapi juga cara masyarakat Melayu Kedah membina konsep sosial dan budaya melalui bahasa yang digunakan dalam kehidupan harian mereka.

NUANSA *LEMPAB* DALAM SUBDIALEK KEDAH

Kata “lembap” dalam subdialek Kedah divariasikan melalui penggunaan leksikal seperti *ghalit*, *lengai*, *mekngot* dan *mandom* yang memperlihatkan hubungan yang sangat erat antara bahasa, masyarakat dan pemikiran dalam masyarakat penutur (lihat Jadual 4). Dalam pendekatan sosiokognitif, makna sesuatu kata tidak terbentuk secara terasing dalam sistem bahasa semata-mata, tetapi berkembang hasil pengalaman sosial, pemerhatian budaya dan penilaian masyarakat terhadap tingkah laku manusia. Pernyataan tersebut dapat disokong melalui pandangan van Dijk (2008) yang menegaskan bahawa bahasa dan wacana tidak dipengaruhi secara langsung oleh struktur sosial semata-mata, tetapi melalui pengalaman mental dan kognitif masyarakat penutur. Menurut beliau, hubungan antara bahasa, masyarakat dan pemikiran berlaku melalui *context models* atau model konteks yang terbentuk hasil pengalaman sosial, pengetahuan bersama, nilai budaya dan pemerhatian masyarakat terhadap sesuatu keadaan. Hal ini bermaksud makna sesuatu kata berkembang melalui pengalaman sosial dan budaya yang dikongsi bersama oleh masyarakat penutur, bukannya terbentuk secara terasing dalam sistem bahasa sahaja. Oleh sebab itu, variasi leksikal bagi konsep “lembap” dalam dialek Kedah menunjukkan bagaimana masyarakat Melayu Kedah membina pemahaman terhadap sikap, emosi dan keadaan sosial berdasarkan pengalaman hidup mereka.

Jadual 4

Nuansa Leksikal ‘Lembap’ dalam Subdialek Kedah

Nuansa makna ‘lembap’	LELAKI			PEREMPUAN		
	KEDAH TENGAH	KEDAH UTARA	KEDAH SELATAN	KEDAH TENGAH	KEDAH UTARA	KEDAH SELATAN
Ghalit	•Terleka •Termenung •Leka atau cuai •Tidak fokus •Keadaan seseorang yang termenung	•Leka •Keadaan seseorang yang leka •Tidak fokus •Duduk lebih masa	•Leka •Mengelamun •Lalai	- Terleka -Termenung jauh -Keadaan seseorang yang termenung -Lalai	Leka	-Leka -Asyik, - tidak fokus
Lengai	- Buat kerja lambat -Lembab -Tidak bermaya -Lambat -Seseorang yang lembab	-Buat kerja lambat -Lembab	-Lembab -Lambat	-Lambat -Cuai -Seorang yang lembab -Suka lupa	Lembab	-Lembab -Lambat
Makngot /Mekngot	-Lembab -Lambat atau perlahan	-Lambat -Malas	-Lembab	- Lambat -Lembab -Buat kerja lambat -Lambat siap -Perlahan	- Lambat -Lembab	- Lembab -Lambat
Mandom	-Tidak bersemangat -Kusut -Keadaan seseorang yang tidak bersemangat -Tidak cergas	-Lembab -Lambat	- Lembab -Tidak aktif	-Tidak bermaya -Lembab -Tidak senonoh -Keadaan seseorang yang tidak bersemangat -Tidak larat -Tidak semangat	-Orang tidak lincih -Lembab -Bergerak tidak pantas -Lemah -Lambat	-Lembab -Tidak aktif -Nampak letih tidak cukup tidur -Suram

Jadual 4 menunjukkan leksikal *ghalit* misalnya memperlihatkan pengkonsepsian “lembap” yang berkait dengan aspek perhatian dan fokus seseorang. Berdasarkan data, *ghalit* digunakan untuk merujuk kepada keadaan seperti “terleka”, “termenung”, “tidak fokus”, “mengelamun” dan “lalai”. Dalam konteks sosiokognitif, penggunaan ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu Kedah memahami keadaan mental seseorang melalui pemerhatian terhadap tingkah laku sosial mereka. Individu yang termenung, tidak memberi perhatian atau leka dianggap berada dalam keadaan yang “perlahan” dari sudut respons sosial dan mental. Pernyataan tersebut dapat disokong melalui kajian oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2010) yang menjelaskan bahawa aspek sosiokognitif seperti sikap, persepsi dan persekitaran sosial memainkan peranan penting dalam pembentukan pemahaman dan interpretasi bahasa dalam kalangan masyarakat penutur. Menurut beliau, pengalaman sosial dan budaya masyarakat mempengaruhi cara individu memahami makna, tingkah laku dan respons sosial dalam komunikasi harian. Oleh sebab itu, konsep “lembap” dalam variasi *ghalit* tidak lagi tertumpu kepada kelewatan fizikal, tetapi berkembang menjadi gambaran terhadap keadaan mental dan kesedaran sosial seseorang. Hal ini memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu Kedah sangat menitikberatkan kepekaan dan respons terhadap persekitaran sosial. Individu yang terlalu leka atau tidak fokus dianggap gagal memenuhi norma sosial masyarakat yang mengutamakan kesiapsiagaan dan perhatian dalam interaksi harian.

Berbeza dengan *ghalit*, leksikal *lengai* lebih banyak dikaitkan dengan aspek perlakuan dan produktiviti sosial. Berdasarkan data, *lengai* digunakan bagi menggambarkan seseorang yang “buat kerja lambat”, “lembab”, “lambat”, “tidak bermaya”, “cuai” dan “suka lupa”. Dalam pendekatan sosiokognitif, penggunaan ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu Kedah membina konsep “lembap” berdasarkan pengalaman sosial berkaitan kerja dan tanggungjawab harian. Seseorang yang lambat melakukan tugas atau tidak menunjukkan kecekapan dianggap sebagai individu yang tidak memenuhi jangkaan sosial masyarakat. Oleh sebab itu, *lengai* bukan sekadar menggambarkan kelewatan tindakan, tetapi turut membawa makna sosial yang berkait dengan tahap keupayaan, disiplin dan produktiviti seseorang. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu Kedah menilai tingkah laku manusia berdasarkan keberkesanan tindakan dalam kehidupan harian, khususnya dalam konteks kerja dan tanggungjawab sosial. Berdasarkan hal tersebut, Siti Nurul Jannah Fital (2023) menjelaskan bahawa pengalaman sosial, latar budaya dan persekitaran masyarakat mempengaruhi persepsi serta penghayatan seseorang terhadap bahasa dan tingkah laku sosial. Hal ini membuktikan bahawa makna sesuatu konsep dalam bahasa terbentuk melalui pengalaman budaya dan pemerhatian sosial yang berlaku secara kolektif dalam masyarakat penutur.

Selain itu, leksikal *mekngot* pula memperlihatkan pengkonsepsian “lembap” yang lebih berkait dengan kelewatan fizikal dan tingkah laku individu. Berdasarkan data, *mekngot* digunakan untuk merujuk kepada keadaan seperti “lambat”, “perlahan”, “buat kerja lambat”, “lambat siap” dan “malas”. Penggunaan ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu Kedah menghubungkan kelewatan fizikal dengan sikap individu dalam kehidupan sosial. Dalam konteks sosiokognitif, pengalaman melihat individu yang bergerak perlahan atau lambat menyiapkan sesuatu tugas telah membentuk pemikiran kolektif masyarakat terhadap konsep “lembap”. Oleh sebab itu, *mekngot* bukan sahaja menggambarkan keadaan fizikal yang perlahan, tetapi turut membawa penilaian budaya terhadap sikap malas dan kurang bersungguh-sungguh. Hal ini memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu Kedah mengaitkan kepantasan dan kerajinan sebagai nilai sosial yang penting dalam kehidupan harian mereka.


Seterusnya, leksikal *mandom* pula memperlihatkan peluasan konsep “lembap” yang lebih kompleks kerana melibatkan keadaan emosi, fizikal dan sosial seseorang. Berdasarkan data, *mandom* digunakan bagi menggambarkan keadaan seperti “tidak bersemangat”, “kusut”, “tidak cergas”, “tidak bermaya”, “tidak larat”, “tidak aktif”, “suram” dan “nampak letih tidak cukup tidur”. Dalam pendekatan sosiokognitif, penggunaan ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu Kedah memahami keadaan emosi dan mental manusia melalui pemerhatian terhadap tubuh badan dan tingkah laku sosial mereka. Individu yang keletihan, murung atau tidak bermotivasi biasanya dilihat kurang aktif dan lambat bertindak, lalu keadaan

tersebut dikonsepsikan melalui leksikal *mandom*. Hal ini memperlihatkan bahawa pengalaman sosial masyarakat terhadap keadaan tubuh badan manusia telah membentuk konsep budaya tentang kelemahan emosi dan fizikal. Selain itu, penggunaan *mandom* juga menunjukkan bahawa masyarakat Melayu Kedah mengaitkan kecergasan fizikal dengan kesejahteraan sosial dan emosi seseorang.

Secara keseluruhannya, variasi leksikal seperti *ghalit*, *lengai*, *mekngot* dan *mandom* memperlihatkan bahawa konsep “lembap” dalam subdialek Kedah bukan sekadar merujuk kepada keadaan “perlahan”, tetapi turut mencerminkan pengalaman budaya dan penilaian sosial masyarakat Melayu Kedah terhadap tingkah laku manusia. Dalam pendekatan sosiokognitif, makna kata-kata tersebut terbentuk hasil hubungan antara bahasa, pengalaman sosial dan cara mereka berfikir. Oleh itu, penggunaan variasi leksikal ini membuktikan bahawa bahasa dalam dialek Kedah berfungsi sebagai medium untuk menggambarkan cara masyarakat memahami dunia, menilai perlakuan manusia dan membina konsep sosial berdasarkan pengalaman budaya mereka. Rajah 1 menggambarkan leksikal lembap yang bervariasi kepada makna lain, iaitu *ghalit*, *mekngot*, *lengai* dan *mandom*. Makna ini pula dipengaruhi oleh konteks sosial, budaya, pengalaman hidup dan norma penutur dalam masyarakat tersebut.

Rajah 1

Nuansa Lembap dalam Subdialek Kedah



REPRESENTASI *LEMBAP* DALAM PEMIKIRAN PENUTUR

Representasi yang memperlihatkan bahawa kata “*lembap*” dalam subdialek Kedah mempunyai satu makna teras yang menjadi asas kepada peluasan makna dalam pelbagai domain pengalaman masyarakat penutur (lihat Rajah 2). Dalam hal ini, makna teras merujuk kepada konsep asas yang paling dekat dengan pengalaman fizikal manusia sebelum berkembang kepada makna yang lebih abstrak melalui proses konseptualisasi dan metafora konseptual. Berdasarkan rajah tersebut, makna teras bagi kata “*lembap*” ialah keadaan “perlahan”, “lambat” dan “tidak cergas”. Seterusnya, makna teras ini dianggap sebagai pengalaman konkrit yang menjadi asas kepada pembentukan makna abstrak yang lain. Menurut Lakoff (1987), makna bahasa tidak wujud secara arbitrari, sebaliknya terbentuk melalui pengalaman tubuh badan manusia (*embodied experience*) dan interaksi manusia dengan dunia sekeliling. Hal ini bermaksud manusia memahami sesuatu konsep abstrak berdasarkan pengalaman fizikal yang dekat dengan kehidupan mereka.

Oleh sebab itu, pengalaman terhadap keadaan yang “perlahan” atau “tidak bergerak pantas” menjadi asas kepada pengkonsepsian kata “*lembap*” dalam masyarakat penutur dialek Kedah. Makna ini lahir daripada pengalaman konkrit manusia terhadap sesuatu yang bergerak perlahan, tidak bertenaga atau tidak menunjukkan tindak balas yang pantas.

Seterusnya pula, makna teras ini menjadi sumber utama kepada pembentukan makna-makna lain dalam domain yang berbeza. Dalam kehidupan harian masyarakat penutur dialek Kedah, pengalaman fizikal terhadap sesuatu yang perlahan atau tidak aktif kemudiannya dipindahkan kepada pengalaman sosial dan psikologi manusia. Oleh sebab itu, konsep “*lembap*” tidak lagi terhad kepada keadaan fizikal semata-mata, tetapi berkembang menjadi satu konsep budaya yang menggambarkan perlakuan, emosi, penilaian sosial dan suasana kehidupan masyarakat penutur.

Domain Fizikal

Domain pertama yang berkembang daripada makna teras tersebut ialah domain fizikal. Domain ini merupakan domain paling dekat dengan makna literal kata “*lembap*” kerana berkait secara langsung dengan pengalaman tubuh badan dan pergerakan fizikal. Dalam domain ini, penutur menggunakan kata “*lembap*” untuk menggambarkan keadaan seperti “lambat bergerak”, “perlahan”, “tidak cergas” dan “tidak bertenaga”. Penggunaan ini memperlihatkan bahawa masyarakat penutur memahami konsep “*lembap*” sebagai keadaan yang menunjukkan kekurangan tenaga atau kelewatan pergerakan. Dalam konteks semantik kognitif, pengalaman fizikal manusia menjadi asas utama pembentukan konsep kerana manusia memahami dunia melalui pengalaman tubuh badan mereka. Perkembangan makna daripada domain fizikal kepada domain tingkah laku dalam kajian ini juga selari dengan Teori Metafora Konseptual oleh Lakoff dan Johnson (1980). Menurut mereka, metafora konseptual membolehkan manusia memahami satu domain pengalaman melalui domain pengalaman yang lain. Oleh sebab itu, makna literal “*lembap*” bermula daripada pemerhatian terhadap keadaan fizikal yang perlahan sebelum berkembang kepada domain yang lebih abstrak.

Domain Tingkah Laku

Daripada domain fizikal tersebut, makna “*lembap*” berkembang kepada domain tingkah laku. Dalam domain ini, konsep fizikal “perlahan bergerak” dipindahkan kepada perlakuan manusia dalam kehidupan harian. Penutur menggunakan kata “*lembap*” untuk menggambarkan seseorang yang “buat kerja lambat”, “lambat siap”, “tidak cekap”, “perlahan bertindak”, “lalai”, “tidak fokus”, “malas” dan “asyik”. Penggunaan ini menunjukkan bahawa masyarakat penutur bukan sahaja memahami “*lembap*” sebagai keadaan fizikal, tetapi turut mengaitkannya dengan tahap kecekapan dan tindakan seseorang. Sebagai contoh, individu yang lambat menyiapkan kerja atau tidak memberikan tindak balas segera dianggap sebagai “*lembap*”. Dalam hal ini, pengalaman fizikal dipindahkan kepada pengalaman sosial dan perlakuan manusia. Hal ini membuktikan bahawa pengalaman konkrit tentang kelewatan telah berkembang menjadi satu bentuk penilaian terhadap tingkah laku manusia.

Domain Emosi dan Psikologi

Selain itu, rajah ini turut memperlihatkan peluasan makna kepada domain emosi dan psikologi. Dalam domain ini, kata “*lembap*” digunakan untuk menggambarkan keadaan dalaman seseorang seperti “tidak bersemangat”, “tidak bermaya”, “suram”, “kusut”, “letih”, “tidak aktif” dan “tidak cergas”. Evans dan Green (2006) yang menyatakan bahawa struktur konseptual manusia terbentuk melalui pengalaman sensori dan persepsi tubuh badan terhadap dunia sekeliling. Oleh sebab itu, keadaan fizikal yang perlahan dan kurang bertenaga kemudiannya dipindahkan kepada keadaan psikologi manusia yang tidak bermotivasi atau keletihan. Penggunaan ini menunjukkan bahawa masyarakat penutur menghubungkan keadaan emosi dengan pengalaman fizikal tubuh badan. Individu yang tidak bermotivasi atau keletihan biasanya memperlihatkan pergerakan yang perlahan dan kurang aktif. Oleh sebab itu, pengalaman fizikal tersebut

dikonsepsikan semula bagi menggambarkan keadaan mental dan emosi seseorang. Keadaan ini memperlihatkan bahawa manusia memahami pengalaman abstrak seperti emosi melalui pengalaman konkrit tubuh badan. Hal ini menjadikan kata "*lembap*" bukan sekadar penanda keadaan fizikal, tetapi turut menjadi simbol kepada keadaan psikologi manusia.

Domain Penilaian Sosial

Seterusnya, makna "*lembap*" turut berkembang kepada domain penilaian sosial. Domain ini memperlihatkan bagaimana masyarakat menggunakan bahasa untuk menilai sifat dan tingkah laku individu berdasarkan norma budaya setempat. Dalam domain ini, individu yang dianggap "tidak rajin", "tidak berdisiplin", "tidak bertanggungjawab", "kurang proaktif" dan "tidak berusaha" turut dikaitkan dengan konsep "*lembap*". Keadaan ini menunjukkan bahawa bahasa bukan sahaja mencerminkan pengalaman individu, tetapi turut menjadi medium penilaian sosial masyarakat terhadap tingkah laku manusia. Menurut Anida Sarudin dan Nor Hashimah Jalaluddin (tahun), metafora konseptual merupakan mekanisme kognitif yang membolehkan masyarakat memahami pengalaman abstrak melalui pengalaman konkrit yang tersusun dalam sistem budaya mereka. Penggunaan ini menunjukkan bahawa kata tersebut membawa unsur penilaian negatif terhadap individu yang gagal memenuhi jangkaan sosial masyarakat. Dalam konteks budaya Melayu, sifat rajin, cekap dan pantas sering dikaitkan dengan nilai positif, manakala perlahan dan kurang produktif dianggap negatif. Oleh sebab itu, konsep "*lembap*" berkembang menjadi satu bentuk penilaian sosial terhadap sikap seseorang. Dalam semantik kognitif, keadaan ini menunjukkan bahawa makna bahasa dibentuk bukan sahaja oleh pengalaman fizikal, tetapi juga oleh nilai budaya dan pengalaman sosial masyarakat penutur.

Domain Metafora

Akhir sekali, Rajah 2 memperlihatkan peluasan makna kepada domain metafora, iaitu domain yang paling abstrak dalam pengkonsepsian kata "*lembap*". Dalam domain ini, kata "*lembap*" tidak lagi merujuk kepada manusia semata-mata, tetapi digunakan bagi menggambarkan keadaan, suasana dan proses sosial tertentu. Antara contoh penggunaan yang direkodkan ialah "keadaan hari suram", "suasana tidak meriah", "perjalanan kerja lembap" dan "urusan lembap". Penggunaan ini menunjukkan bahawa konsep "*lembap*" telah diperluaskan kepada pengalaman bukan manusia melalui metafora konseptual. Sebagai contoh, "urusan lembap" tidak merujuk kepada pergerakan fizikal sebenar, tetapi menggambarkan sesuatu proses tertentu sama ada proses yang lambat atau tidak berjalan dengan lancar. Dalam Teori Metafora Konseptual, keadaan ini dikenali sebagai pemetaan antara domain (*cross-domain mapping*), iaitu proses pemindahan pengalaman konkrit kepada konsep abstrak. Lakoff dan Johnson (1980) menjelaskan bahawa metafora bukan sekadar unsur gaya bahasa, tetapi merupakan cara manusia berfikir dan memahami realiti kehidupan. Oleh itu, penggunaan kata "*lembap*" dalam pelbagai konteks sosial menunjukkan bahawa masyarakat penutur dialek Kedah membina makna berdasarkan pengalaman budaya dan pemerhatian sosial mereka terhadap dunia sekeliling.

Secara keseluruhannya, representasi ini membuktikan bahawa kata "*lembap*" dalam subdialek Kedah mengalami peluasan makna yang sangat luas daripada makna teras kepada pelbagai domain pengalaman manusia. Makna literal yang berkaitan dengan keadaan perlahan dan tidak cergas menjadi asas kepada pembentukan makna dalam domain tingkah laku, emosi dan psikologi, penilaian sosial serta metafora kehidupan harian. Keadaan ini menunjukkan bahawa bahasa dalam dialek Kedah bukan sekadar alat komunikasi, tetapi turut mencerminkan cara masyarakat penutur memahami pengalaman hidup, menilai perlakuan manusia dan membina konsep terhadap dunia sekeliling mereka. Keadaan ini selari dengan pandangan semantik kognitif yang menegaskan bahawa makna bahasa dibentuk melalui pengalaman tubuh badan, interaksi sosial dan budaya masyarakat penutur proses pemikiran masyarakat penutur dialek Kedah. Rajah 2 merepresentasikan makna lembap kepada domain-domain yang telah dinyatakan.

PENDANAAN

Kajian ini didanai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (MoHE) menerusi Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) No. Rujukan FRGS/1/2019/SSI01/UUM/02/2.

SUMBANGAN PENGARANG

Keseluruhan manuskrip ini telah diselaraskan oleh penulis.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini

RUJUKAN

- Ainur Syakirah Muhd Hissam, Rahim Aman, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2019). Variasi leksikal dialek Kedah berdasarkan faktor geografi dan sosial. *Jurnal Melayu*, 18(2), 215–230.
- Asmah Haji Omar. (2001). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur galur bahasa Melayu* (Edisi ke-2). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir* (Edisi ke-5). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research methods in education* (6th ed.). Routledge.
- Collins, J. T. (1998). *Malay, world language: A short history*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Evans, V., & Green, M. (2006). *Cognitive linguistics: An introduction*. Edinburgh University Press.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, & Nurulafiqah Suhaimi. (2013). Kata soal dalam dialek Kedah: Analisis Program Minimalis. *Jurnal Bahasa*, 13(2), 145–162.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, & Nurulafiqah Suhaimi. (2014). Struktur sintaksis kata soal dialek Kedah. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14(1), 55–70.
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin, & Zaharani Ahmad. (2011). Pendekatan sosiokognitif dalam penelitian bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 11(1), 45–60.
- Lakoff, G. (1987). *Women, fire, and dangerous things: What categories reveal about the mind*. University of Chicago Press.
- Lakoff, G., & Johnson, M. (1980). *Metaphors we live by*. University of Chicago Press.
- Mashetoh Abd. Mutalib, Hishamudin Isam, Marzalina Mansor, & Yusniza Yaakub. (2024). Pengkonsepsian makna kata kerja dalam subdialek Kedah. *Jurnal Bahasa*, 24(2), 329–354.
- Mohammad Khairulanwar Abd. Ghani, & Mohd Tarmizi Hasrah. (2016). Dialek Melayu Baling: Satu pemerian awal. *Jurnal Melayu*, 15(2), 201–218.
- Mohammad Khairulanwar Abd. Ghani, & Mohd Tarmizi Hasrah. (2018). Pengelompokan baharu dialek Hulu Kedah. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(3), 120–139.
- Mohammad Khairulanwar Abd. Ghani, & Mohd Tarmizi Hasrah. (2020). Konsonan beraspirasi dan proses vokal dalam dialek Kedah. *Jurnal Bahasa*, 20(1), 77–95.
- Muhammad Khairulanwar Abd. Ghani, & Mohd Tarmizi Hasrah. (2024). Rekonstruksi dalaman dialek Baling Purba. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 3, 217–241. <https://doi.org/10.32890/rentas2024.3.10>

- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (1993). *Tatabahasa Dewan* (Jilid 2). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Rahim Aman, & Shahidi A. H. (2017). Pemetaan dialek Melayu Langkawi menggunakan Geographic Information System (GIS). *GEMA Online Journal of Language Studies*, 17(4), 150–168.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2002). Analisis sosiolinguistik dan pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 2(3), 1–15.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2010). Sosiokognitif dan penguasaan pragmatik bahasa Melayu remaja Malaysia: Analisis linguistik. *Jurnal Linguistik*, 10(1), 1–15.
- Norfazila Ab. Hamid, & Rahim Aman. (2015). Sistem fonologi dialek Kedah. *Jurnal Melayu*, 14(1), 33–49.
- Noriah Mohamed, & Jamilah Bebe Mohamad. (2018). Eufemisme dan metafora kematian dalam dialek Kedah. *Jurnal Melayu*, 17(1), 45–60.
- Nuriah Mohamed, & Jamilah Bebe Mohamad. (2018). Eufemisme dan metafora kematian dalam dialek Kedah. *Jurnal Melayu*, 17(1), 45–60.
- Siti Noraini Hamzah, Rahim Aman, & Mohammad Khairulanwar Abd. Ghani. (2025). Pengaruh Siam terhadap dialek Melayu Kedah di kawasan sempadan. *Jurnal Melayu*, 24(1), 55–72.
- Siti Nur Izzaty Salit, Rahim Aman, & Mohammad Khairulanwar Abd. Ghani. (2024). Pengekalan dan peralihan dialek di Baling menggunakan GIS. *Jurnal Melayu*, 23(2), 188–207.
- Siti Nur Izzaty Salit, Rahim Aman, & Mohammad Khairulanwar Abd. Ghani. (2025). Identiti masyarakat Thai di Langkawi dan Satun melalui pendekatan geolinguistik. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 25(1), 44–63.
- Siti Nurul Jannah Fital, Junaini Kasdan, & Siti Norayu Mohd Basir. (2023). Pengamalan bahasa Melayu Generasi Z dalam era Revolusi Industri 4.0 dari perspektif sosiokognitif. *Journal of Human Development and Communication*, 12, 90–106.
- van Dijk, T. A. (2008). *Discourse and context: A sociocognitive approach*. Cambridge University Press.
- Za'ba. (2002). *Pelita bahasa Melayu* (Edisi baharu). Dewan Bahasa dan Pustaka.